



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087- 408600/087-408601 Faks: 087-431478

Laman Web: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP) PARLIMEN LABUAN

LABUAN, 07 Jun 2020 – YB Tan Sri TPr Annuar Hj. Musa, Menteri Wilayah Persekutuan menyerahkan watak pelantikan kepada seorang Pengerusi Zon, 5 orang Pengerusi Sub Zon, 5 orang Timbalan Pengerusi Sub Zon dan 5 orang Setiausaha Sub Zon Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) bagi parlimen Labuan hari ini. Kesemua lantikan ini adalah bagi tempoh selama 2 tahun iaitu sesi 2020/2021 dan berkuatkuasa pada 1 April 2020. Juga ingin dimaklumkan bahawa persempadanan baharu subzon MPP WP Labuan telah ditambah dari 3 subzon kepada 5 subzon.

Kerajaan sedang berusaha menyediakan strategi pemulihan ekonomi yang boleh memberi pulangan yang lumayan supaya komuniti Labuan dapat mara semula ke hadapan setanding dengan negeri lain. Tambahan pula, dalam situasi ekonomi yang mencabar dan tidak menentu kesan daripada Covid-19, Pengerusi Zon dan Pengerusi Sub Zon MPPWP yang baharu dilantik ini perlu bijak memainkan peranan dalam menerajui perubahan minda masyarakat warga Labuan khususnya dalam usaha-usaha pembaharuan serta penambahbaikan yang dibawa oleh Kerajaan.

Bagi merealisasikan semua perancangan untuk meningkatkan sosio ekonomi warga Wilayah Persekutuan Labuan, MPPWP yang baharu ini diharap sentiasa bekerjasama dan berganding bahu dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan dalam melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan berintegriti di samping memastikan pencapaian kepada rakyat melalui sumber yang tepat melalui platform yang telah disediakan.

Disediakan oleh:
Perbadanan Labuan
07 Jun 2020